



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
***DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA***

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545  
Faks : 603-8889 5542  
E-mail : hasar@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA**  
Bagi Minggu 38/2011 (18 hingga 24 September 2011)

Pada minggu ke-38 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 18 hingga 24 September, sejumlah 330 kes demam denggi telah dilaporkan, meningkat sebanyak 5 kes berbanding dengan 325 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat 7 buah negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas iaitu Selangor yang meningkat sebanyak 25 kes (21%), Terengganu 6 kes (100%), Kelantan 6 kes (67%), Pahang 3 kes (21%), Perlis 2 kes (50%), Sabah 1 kes (25%) dan Johor meningkat sebanyak 1 kes (6%)(Lampiran A). Terdapat peningkatan kes sejak 3 minggu berturut-turut dan negeri yang menunjukkan tren peningkatan yang ketara ialah Selangor, di samping Perlis dan Pahang.

Pada tahun 2011 iaitu dari Januari hingga 24 September, sebanyak 14,544 kes dilaporkan, penurunan sebanyak 60% atau 21,962 kes berbanding dengan 36,506 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Bagi tempoh yang sama, sebanyak 22 kematian akibat demam denggi dilaporkan, menurun sebanyak 80% berbanding 112 kematian pada tahun 2010.

Sejumlah 63 lokaliti wabak denggi dipantau di seluruh negara, meningkat 12 berbanding 51 lokaliti pada minggu sebelumnya. Terdapat tiga lokaliti wabak tidak terkawal pada minggu lepas iaitu Rumah Panjang Jinjang Utara dan Taman Koop Polis Fasa 1 di WP Kuala Lumpur dan AU2 Flat PKNS di Selangor. Tiada lokaliti *'hot spots'* dilaporkan di seluruh negara. Bagi sesiapa yang mengalami demam perlu mendapatkan rawatan awal, terutama bagi mereka yang tinggal di kawasan wabak denggi. Pemantauan Kementerian Kesihatan menunjukkan hanya dalam lingkungan 40% pesakit denggi mendapatkan rawatan seawal tempoh 3 hari.

Peningkatan kes dan kawasan wabak ini dipengaruhi oleh peningkatan kadar pembiakan Aedes yang mana meningkat sebanyak 10% pada minggu lepas berbanding dengan minggu sebelumnya. Justeru itu, Kementerian Kesihatan menyeru negeri-negeri mempunyai peningkatan kes yang ketara agar meningkatkan aktiviti gotong-royong serta membersihkan kawasan persekitaran daripada tempat atau punca pembiakan Aedes. Bagi memperkasakan kempen media pencegahan denggi, mesej pencegahan bagi penyakit ini disalurkan melalui televisyen, radio dan akhbar. Di samping itu, penyampaian mesej ini melalui perkhidmatan pameran interaktif lori bergerak masih diteruskan dengan 20 lokaliti panas telah dikunjungi dan penglibatan masyarakat amat menggalakkan. Namun begitu, tindakan secara berterusan dari komuniti dalam membanteras denggi dengan menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes amatlah diperlukan.

**DATO' DR HASAN ABDUL RAHMAN**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

27 September 2011

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 38/2011  
(18 hingga 24 September 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 38/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 38/2010
		Minggu 38 (18 – 24 Sept 2011)	Minggu 37 (11 – 17 Sept 2011)		
1	Perlis	6	4	80	149
2	Kedah	5	10	348	599 (3)
3	P. Pinang	18	25	1,339 (2)	1,184 (5)
4	Perak	16	23	936 (2)	1,763 (5)
5	Selangor	147	122	5,555 (5)	13,750 (39)
6	WPKL & Putrajaya	38	53	1,389 (1)	3,426 (6)
7	N. Sembilan	11	12	562 (2)	1,378 (7)
8	Melaka	5	5	290	929 (10)
9	Johor	19	18	1,217 (5)	3,157 (10)
10	Pahang	17	14	698 (1)	1,111 (1)
11	Terengganu	12	6	515 (1)	854 (1)
12	Kelantan	15	9	542 (1)	2,863 (11)
13	Sarawak	16	20	743	3,567 (13)
14	Sabah	5	4	321 (2)	1,760 (1)
15	WP Labuan	0	0	9	16
	<b>MALAYSIA</b>	<b>330</b>	<b>325</b>	<b>14,544 (22)</b>	<b>36,506 (112)</b>

Nota: ( ) Kematian